



**MADRASAH TADABBUR TAZAKKUR AL QURAN**  
**SURAH AL-MA'IDAH**  
**HALAMAN 117 [ AYAT 51 - 57 ]**



**OLEH : USTAZAH MASIRAH BT MASLAN**

**TARIKH : 3 JUN 2026**

**١٧ ذوالحجة ١٤٤٧ هجره**



Source:Pa&Ma

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## MUKADDIMAH

SURAH AL-MA'IDAH [ MADANIYYAH ]

HALAMAN 117 [ AYAT 51 – 57 ]

## MUKADDIMAH

Dalam Surah Al-Maidah: Ayat 50 Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** melarang cara berfikir mengikut kejahilan orang Yahudi yang mengikut hawa nafsu dan kesombongan mereka.

Sebaliknya yakinlah dengan hukum Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan mendalami perundangan Islam serta Al-Quran



Source: Facebook

## SINOPSIS AYAT

### SURAH AL-MA'IDAH [MADANIYYAH]

### HALAMAN 117 [AYAT 51 – 57]

AYAT	SINOPSIS RINGKAS
51 - 53	➤ Larangan menjalin ketaatan [al-wala'] dengan kaum Yahudi & Nasrani.
54 - 56	➤ Golongan murtad dan permusuhan serta kebencian mereka terhadap kaum Muslimin.
57	➤ Pilih pemimpin yang tidak mengejek atau menghina Islam.

**AYAT 51 : LARANGAN MENJADIKAN ORANG KAFIR [YAHUDI & NASRANI]  
SEBAGAI PEMIMPIN DAN TEMAN SETIA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ ۚ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ  
بَعْضٍ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ٥١

**TERJEMAHAN :**

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan orang Yahudi dan Nasrani sebagai teman setia(mu); mereka satu sama lain saling melindungi. Barang siapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman setia, maka sesungguhnya dia termasuk golongan mereka. Sesungguhnya, Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim.

## ASBAB AL-NUZUL : AYAT 51

Ayat 51 diturunkan Allah untuk menyeru orang beriman agar jangan menjadikan orang Yahudi dan Nasrani sebagai teman setia (**awliya**) kerana semasa konflik / perang Uhud, sebahagian Muslim (khususnya kaum munafik) di Madinah merasa perlu bersekutu dengan mereka.



*Source: aboutIslam.net*

- **Konteks Perang Uhud :** Menurut riwayat Ibnu Abbas, ayat ini turun berkaitan Abdullah bin Ubay bin Salul (pemimpin munafik) dan 'Ubadah bin Shamit (sahabat Nabi dari Ansar). Setelah perang Uhud, Abdullah bin Ubay rasa takut akan diserang kembali, sehingga ia cenderung memihak dan bersekutu dengan kaum Yahudi.
- **Sikap Ubadah bin Shamit:** Berbeza dengan Abdullah, 'Ubadah bin Shamit menyatakan pelepasan diri dari sekutu Yahudi dan menegaskan hanya berlindung kepada Allah SWT dan Rasul-Nya.
- **Teguran atas Sikap Munafik:** Ayat ini melarang perilaku seperti Abdullah bin Ubay yang menjadikan pihak non-Muslim sebagai pelindung / teman setia (awliya) di saat konflik, kerana perbuatan sedemikian dianggap mengkhianati penyatuan umat Islam.

## HURAIAN AYAT 51

- Allah menyeru orang beriman jangan menjadikan kaum Yahudi dan Nasrani sebagai teman rapat / penasihat / pemimpin **kecuali** hanya sebagai rakan jual beli atau sahabat sekerja biasa sahaja.
- Puak Yahudi dan Nasrani yang berada di Madinah pada masa itu lama kelamaan tidak menepati perjanjian yang mereka buat dengan Rasulullah ﷺ. Mereka telah bersekongkol dengan Musyrikin Mekah untuk menjatuhkan umat Islam.

Allah membongkar sifat Yahudi dan Nasrani saling tolong menolong antara satu sama lain untuk menjatuhkan umat Islam. Namun antara kedua golongan Yahudi dan Nasrani sebenarnya tetap bermusuhan antara satu sama lain seperti dalam firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى :

بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ج

“Mereka satu sama lain saling melindungi”

- Mereka akan mengajak kepada kemungkaran kalau kita rapat dengan mereka. Mereka juga sentiasa mencari peluang untuk menjatuhkan umat Islam.

## INTISARI AYAT 51

- 1 Larangan melantik pemimpin dan memberikan kesetiaan kepada orang kafir, ayat ini melarang memilih pemimpin dalam kalangan orang Yahudi dan Nasrani.
- 2 Orang beriman dilarang mengambil orang kafir sebagai sahabat akrab, menyerupai mereka dari segi watak, tabiat, amalan ibadat dan akhlak.
- 3 Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** memberi petunjuk kepada orang beriman dalam memilih para pemimpin / pemerintah, seharusnya mengasihi Allah, para RasulNya dan orang-orang yang beriman, dan benci kepada musuh-musuh Islam.



Source:shopee.com

**AYAT 52 : LARANGAN MENJADIKAN ORANG KAFIR [YAHUDI & NASRANI]  
SEBAGAI PEMIMPIN DAN TEMAN SETIA**

فَتَرَى الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ يُسْرِعُونَ فِيهِمْ يَقُولُونَ نَخْشَى أَنْ  
تُصِيبَنَا دَائِرَةٌ ۚ فَعَسَىٰ اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَ بِالْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِّنْ عِنْدِهِ  
فَيُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا أَسْرَوْا فِي أَنفُسِهِمْ نَادِمِينَ ٥٢

**TERJEMAHAN :**

Maka kamu akan melihat orang-orang yang hatinya berpenyakit segera mendekati mereka (Yahudi dan Nasrani), seraya berkata, "Kami takut akan mendapat bencana." Mudah-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan (kepada Rasul-Nya), atau sesuatu keputusan dari sisi-Nya, sehingga mereka menjadi menyesal terhadap apa yang mereka rahasiakan dalam diri mereka.

## HURAIAN AYAT 52

- Pada ayat ini Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** menerangkan tentang pekerti orang munafik seperti Abdullah Bin Ubai dan teman-temannya yang hatinya berpenyakit (munafik), ragu dan waswas terhadap Agama Islam, mereka bermuka-muka di hadapan orang mukmin.
- Sebaliknya mereka kurang yakin kepada kebenaran agama yang disyariatkan kepada Nabi Muhammad **ﷺ**. Mereka berpaling tadah, bermesra dan mencari perlindungan dengan menghubungi orang kafir kerana risau mendapat bencana.
- Allah menegaskan bahawa kemenangan hanya dari Allah, & mereka akan menyesal dengan niat tersembunyi mereka. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah kurniakan kemenangan kepada Rasulullah **ﷺ** dengan tertakluknya kota Mekah dan Khaibar dll.
- Datangnya perintah Allah mengeluarkan orang-orang Yahudi dari tanah Hijaz ke negeri Sham, apabila golongan munafik melihat golongan Yahudi yang selama ini mereka mengharapkan pertolongan telah ditimpa musibah, lalu mereka berputus harapan dan sangat menyesal.



## AYAT 53 : AKIBAT SUKA BERSUMPAH DENGAN NAMA ALLAH SWT

وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَهْوَاءَ الَّذِينَ أَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ ۖ إِنَّهُمْ  
لَمَعَكُمْ ۚ حَبِطَتْ ۚ أَعْمَالُهُمْ فَأَصْبَحُوا خَاسِرِينَ ۝۳

### TERJEMAHAN :

Dan orang-orang yang beriman akan berkata, “Inikah orang yang bersumpah secara sungguh-sungguh dengan (nama) Allah, bahwa mereka benar-benar beserta kamu?” Segala amal mereka menjadi sia-sia, sehingga mereka menjadi orang yang rugi.

## HURAIAN AYAT 53

- Apabila orang-orang mukmin mengetahui niat busuk orang-orang munafik yang telah didedahkan oleh Allah kepada mereka, golongan mukmin berkata sesama mereka :  
*"Bukankah mereka dulu bersumpah dengan (nama) Allah ; beriman dengan Allah dan Rasul-RasulNya bersama kita?"*

Kemudian Allah SWT berfirman :

..... حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَأَصْبَحُوا خَاسِرِينَ ...

Segala amalan mereka menjadi sia-sia, sehingga mereka menjadi orang yang rugi.

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mengingatkan bahawa pada hakikatnya orang munafik walaupun selama ini menunaikan solat, puasa, pernah ikut berperang semata-mata mengkaburi orangramai, segala amalan mereka adalah sia-sia.

## AYAT 54 : IMPLIKASI MURTAD DAN PERJUANGAN MENINGGIKAN SYIAR ISLAM

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ  
يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ۚ ذَٰلِكُمْ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ  
يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ٥٤

### TERJEMAHAN :

Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad (keluar) dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum, Dia mencintai mereka dan mereka pun mencintai-Nya, dan bersikap lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman, tetapi bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurniaan Allah yang diberikannya kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha luas (pemberian-Nya), Maha Mengetahui.

## HURAIAN AYAT 54

- Allah menjelaskan larangan melantik orang Yahudi dan Nasrani (kafir) sebagai pemimpin dan teman akrab kerana dengan perbuatan sedemikian, golongan Yahudi / Nasrani itu boleh mempengaruhi atau menarik golongan yang beriman kepada murtad.
- Murtad secara umumnya adalah merujuk kepada orang yang berbalik dari agama asalnya setelah ia beriman ia itu keluar dari agama Islam yang telah dianutinya sehingga menjadi kufur. Murtad boleh disebabkan oleh niat, perbuatan dan ucapan.
- **Ancaman murtad:**. Allah akan mengganti dengan kaum lain yang:
  - Dicintai Allah dan mencintai-Nya.
  - Rendah hati terhadap sesama mukmin.
  - Tegass terhadap orang kafir.
  - Berjihad di jalan Allah tanpa takut celaan.
- **Pesanan :** Jika ada yang keluar dari Islam, tindakan itu tidak menyusahkan Allah sebaliknya menyusahkan diri sendiri

## IBRAH DARIPADA AYAT 54

### 1. Bacaan Tasbih

سُبْحَانَ اللَّهِ  
Maksudnya: "Maha Suci Allah."

### 2. Bacaan Tahmid

الْحَمْدُ لِلَّهِ  
Maksudnya: "Segala puji bagi Allah."

### 3. Bacaan Takbir

اللَّهُ أَكْبَرُ  
Maksudnya: "Allah Maha Besar."

### 4. Bacaan Tahlil

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
Maksudnya: "Tidak ada Tuhan selain Allah."

### 5. Istighfar : Antara lafaz istighfar adalah :

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَ أَتُوبُ إِلَيْهِ  
Maksudnya: "Aku memohon ampun kepada Allah, Dzat yang tidak ada sesembahan kecuali Dia. Yang Mahahidup lagi Maha Berdiri Sendiri. Dan aku bertaubat kepada-Nya."

- Sentiasalah mengharapkan keredhaan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.
- Tetaplah berada dalam keimanan dan Islam. Perbanyakkan istighfar, taubat, zikir, tasbih dan tahmid.
- Ayat ini merupakan sindiran kepada golongan munafik bahawa mereka tidak sedikit pun boleh beri mudharat kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى terhadap pengkhianatan mereka.

**AYAT 55 :**

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رُكْعُونَ ٥٥

**TERJEMAHAN :**

Sesungguhnya penolongmu hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman, yang melaksanakan salat dan menunaikan zakat, seraya tunduk (kepada Allah).

**AYAT 56 :**

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ ٥٦

**TERJEMAHAN :**

Dan barang siapa menjadikan Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman sebagai penolongnya, maka sesungguhnya , pengikut (agama) Allah itulah yang menang.

## ASBAB AL-NUZUL : AYAT 55

Sebahagian Riwayat menyatakan Jabir Bin Abdullah berkata ayat ini ditujukan kepada Abdullah bin Salam yang mengadu kepada Nabi Muhammad ﷺ tentang sikap kaum Yahudi dari suku Bani Quraizah yang memusuhi dirinya kerana masuk Islam, lalu turunlah ayat ini untuk menegaskan bahwa wali sejati adalah Allah dan Rasul serta orang-orang mukmin sebagai pemimpin.

### HURAIAN AYAT 55 :


Allah menjelaskan sifat-sifat orang mukmin ialah :

1. Orang yang mendirikan kewajiban solat 5 waktu dengan sempurna.
2. Orang yang mengeluarkan zakat dari kekayaan pendapatan dan hartanya
3. Taat kepada semua perintah dan larangan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Sifat-sifat tersebut dijelaskan untuk membezakan antara mukmin dan munafik. Selayaknya orang mukmin dilantik menjadi pemimpin.

## HURAIAN AYAT 56

Barang siapa yang berpegang teguh kepada ketetapan Allah seperti dinyatakan dalam ayat sebelum ini, iaitu mentauhidkan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, serta menjadikan RasulNya, dan orang beriman sebagai pemimpin. mematuhi perintah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan menjauhi larangan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** , sudah pasti segala perjuangan menegakkan Agama Allah mendapat pertolongan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** , maka ia akan menang.



## AYAT 57 : KENAPA PERLU PUTUSKAN HUBUNGAN DENGAN YAHUDI DAN NASRANI

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُؤًا وَلَعِبًا مِّنَ الَّذِينَ  
أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَالْكَفَّارَ أَوْلِيَاءَ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ٥٧

### TERJEMAHAN :

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan pemimpinmu orang-orang yang membuat agamamu jadi bahan ejekan dan permainan, (yaitu) di antara orang-orang yang telah diberi kitab sebelummu dan orang-orang kafir (orang musyrik). Dan bertakwalah kepada Allah jika kamu orang-orang beriman.

## HURAIAN AYAT 57

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mengulangi larangan-Nya kepada orang mukmin yang melantik orang kafir menjadi pemimpin. Asbab larangan ini adalah kerana :

- Ahli-ahli kitab dari golongan Yahudi dan Nasrani telah diutus kepada mereka para nabi dan para rasul oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan membawa kitab-kitab seperti Taurat dan Injil yang menjadi pedoman hidup mereka sebelum diutuskan Nabi Muhammad ﷺ.
- Apabila diutuskan Nabi Muhammad ﷺ membawa kitab Al-Quran dari Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang menyeru mereka mengikuti Al-Quran kerana Al-Quran merupakan kitab yang lengkap ( Syumul ) dan diturunkan untuk menghapuskan syariat yang terdahulu **TETAPI** mereka enggan serta menolak malah mengejek & mempermainkan agama Islam.
- Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mengingatkan orang mukmin supaya bertakwa kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan tidak melantik ahli kitab (musyrik) menjadi pemimpin jika mereka betul-betul beriman sepertimana firman Allah :

وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ٥٧

*Dan bertakwalah kepada Allah jika kamu orang-orang beriman.*

**R  
E  
S  
O  
L  
U  
S  
I**

**SURAH  
AL-MA'IDAH  
M.S 117  
[ AYAT 51 – 57 ]**

**1. Jangan jadikan sumber kepimpinan dalam kalangan Yahudi dan Nasrani [ Ayat 51 ]**

**2. Selalu mengharapkan perlindungan Allah dan orang beriman [ Ayat 52 ]**

**3. Menjadi pembela Agama dengan sifat tegas dalam berkasih sayang kerana Allah. [ Ayat 54 ]**

**..... والله أعلم**

## DOA DIKURNIAKAN KEPIMPINAN YANG BAIK



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Doa-1:

اللَّهُمَّ وَلِّ أُمُورَنَا خَيْرَانَا ، وَلَا تُوَلِّ أُمُورَنَا شَرَارَنَا

"Ya Allah! Lantiklah untuk urusan kami (pemerintahan) orang-orang yang terbaik di kalangan kami. Janganlah Engkau lantik untuk urusan kami orang-orang yang terburuk di kalangan kami."

Doa-2:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

"Ya Allah! Jadikanlah kuasa wilayah kami pada orang yang takut kepada-Mu dan bertakwa kepada-Mu, wahai Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam."

Doa-3:

اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا بِذُنُوبِنَا مَنْ لَا يَخَافُكَ فِيْنَا وَلَا يَرْحَمُنَا

"Ya Allah! Janganlah Engkau jadikan pemimpin kami - disebabkan dosa-dosa kami - orang yang tidak takut kepada-Mu dan tidak mempunyai belas kasihan kepada kami."

Doa-4:

اللَّهُمَّ أَبْعِدْ عَنْهُمْ بَطَانَةَ السُّوءِ وَالْمُفْسِدِينَ ، وَقَرِّبْ إِلَيْهِمْ أَهْلَ الْخَيْرِ وَالنَّاصِحِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

"Ya Allah! Jauhkanlah daripada mereka (para pemimpin kami) teman rapat yang jahat dan yang merosakkan. Dekatkanlah kepada mereka orang-orang yang baik dan pemberi nasihat yang baik, wahai Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam."

اللَّهُمَّ آمِينَ يَا رَبَّ